


Keunggulan Jawi dan Khat di Nusantara

Judul: *Tulisan Jawi Disemarakkan, Seni Khat Digayakan*
 Pengarang: **Muhammad Bukhari Lubis dan Makmur Harun**
 Penerbit: **Dewan Bahasa dan Pustaka**
 Harga: **RM30.00**
 Tahun Terbitan: **2020**



Kolaborasi penulisan antara Muhammad Bukhari Lubis dengan Makmur Harun ini memfokuskan mengenai sejarah perkembangan tulisan Jawi dan khat di dunia, khususnya di Malaysia. Penulis mengetengahkan usaha dalam memartabatkan tulisan Jawi agar dapat membina sebuah negara bangsa yang unggul serta disegani. Buku ini juga menyemarakkan penulisan seni khat dalam kalangan masyarakat agar dapat dijadikan warisan budaya setempat.

Buku ini mengandungi 150 halaman dan terbahagi kepada enam bab yang menghuraikan mengenai definisi istilah Jawi, kisah tulisan Jawi dan khat di Nusantara, seni khat citra tamadun Islam, sifat dan ciri khas seni khat, jenis tulisan khat yang popular, serta pameran karya seni khat dan Jawi. Dalam pada itu, penulis melampirkan foto bagi menunjukkan keindahan tulisan Jawi dan khat itu sendiri.

Menerusi pendahuluan mengenai asas berkaitan dengan buku, penulis mengajak pembaca untuk memahami dengan jelas mengenai definisi istilah Jawi, pengenalan, kegunaan tulisan Jawi di Nusantara dan kajian yang berkaitan dengan tulisan Jawi. Istilah Jawi didefinisikan sebagai perkataan yang berkaitan dengan panggilan yang digunakan oleh orang Arab kepada sebuah rumpun bangsa di Nusantara. Mereka beranggapan bahawa semua suku bangsa di Nusantara berasal dari Jawah dan penduduknya dipanggil

Jawi. Pada peringkat awal di Alam Melayu, tulisan Jawi ini dianggap sebagai kuasa magis yang unik serta tidak banyak dalam kalangan rakyat yang menguasainya. Oleh itu, sejarah memainkan peranan yang penting ke arah penggunaan huruf Jawi sebagai medium persuratan Melayu.

Penulis turut menerangkan mengenai sifat dan ciri khas yang terdapat pada seni khat yang merupakan hasil karya yang direka bentuk berupa garisan geometri. Ciri dan sifat seni khat berkembang di Asia Tenggara selari dengan perkembangan Islam. Oleh hal yang demikian, perkembangan inilah yang menjadikan seni khat sebagai aktiviti tetap para penulis khat di beberapa buah kawasan di Nusantara. Perkembangan seni ini membentuk suatu corak dan kriteria yang tersendiri. Tidak dinafikan bahawa perkembangan ini berlaku disebabkan peranan yang dimainkan oleh para khatat yang berlatar belakangkan pendidikan beragama yang dapat melahirkan ciri khas seni khat ke daerah setempat dengan menggabungkan warna dan corak seni etnik dan budaya masyarakat setempat.

Penulis juga mengetengahkan mengenai jenis seni khat yang popular dalam kalangan masyarakat dan pencinta khat. Seni khat dikembangkan oleh Ibn Muqla, kemudiannya diperindahkan oleh Ibn al-Bawwab dan berlaku perkembangan idea oleh Yaqut

al-Mustasimi sehingga menjadi bentuk yang sangat mengagumkan. Antara jenis seni khat yang popular ialah khat kufi, thuluth, farisi, riqah, diwani dan diwani jali.

Pertumbuhan seni khat merupakan perkembangan sunnatullah. Selain itu, kelahiran seni khat yang bersumberkan huruf Arab yang tersebar ke seluruh dunia Islam telah memperkukuh kedudukan seni warisan Islam dalam segala aspek kehidupan. Jenis seni khat juga terlahir atas daya upaya dan inisiatif beberapa orang khatat, iaitu Ibn Muqla sehingga Hashim Muhammad al-Baghdadi, serta tokoh seni khat di Alam Melayu. Maka, teknik dan seni ini telah menjadi ikutan masyarakat masa kini.

Pameran seni khat dan tulisan Jawi menjadi perlambangan bahasa yang dituturkan melalui karya lukisan. Pelaksanaan aktiviti pameran merupakan usaha untuk melestarikan keunggulan seni khat dan tulisan Jawi itu sendiri supaya tidak dilupakan dalam kalangan masyarakat serta dapat digunakan dalam semua kegiatan.

Buku ini wajar dimiliki dan dijadikan sebagai pedoman serta mampu menjadi rujukan kepada mana-mana individu yang mahu mengetahui mengenai keunggulan seni khat dan tulisan Jawi di Nusantara. □